

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Pilihan raya)

MAHATHIR AKAN PIMPIN MALAYSIA MEMASUKI ALAF BARU

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan memimpin negara memasuki alaf baru dan menyatakan keyakinannya bahawa Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

"Saya mempunyai tanggungjawab untuk memimpin parti sehingga pilihan raya selesai," katanya semasa ditanya sama ada beliau akan memimpin Malaysia memasuki abad ke-21.

Malaysia perlu mengadakan pilihan raya umum sebelum Julai tahun depan.

"Kecuali jika anda menganggap tahun 2001 sebagai alaf baru, saya tidak tahu. Tetapi jika anda menyifatkan tahun 2000 sebagai alaf baru, saya rasa saya mempunyai tanggungjawab kecuali jika sesuatu berlaku," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno pada persidangan berita selepas berakhirnya perhimpunan Umno untuk hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Semasa menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham kenapa peletakan jawatan atau persaraannya akan menjadi sesuatu yang mengejutkan.

"Adakah anda benar-benar menjangkakan saya akan meletakkan jawatan? Tiada sebab (untuk itu)," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mahu meletakkan jawatan tahun lepas "jika (bekas) timbalan saya (Datuk Seri Anwar Ibrahim) berkelakuan baik."

"Tetapi beliau lebih berminat dalam perkara yang menyeronokkan beliau dan oleh itu beliau gagal merasa nikmat untuk menjadi pengganti saya," katanya.

Semasa ditanya bila pilihan raya boleh diadakan, Dr Mahathir berkata beliau boleh mengadakan pilihan raya pada bila-bila masa tetapi tidak perlu tergesa-gesa berbuat demikian.

"Saya tidak perlu membayangkan jangka masanya tetapi hakikatnya ialah penggal pemerintahan kerajaan akan berakhir pada Julai tahun depan dan pada bila-bila masa dari sekarang hingga Julai merupakan tempohnya," katanya semasa ditanya sama ada satu jangka masa akan ditetapkan untuk pilihan raya.

Ditanya pula mengenai persediaan Umno menghadapi pilihan raya, Dr Mahathir berkata Umno sudah bersiap sedia.

"Semangat amat tinggi. Kami boleh menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa tetapi kami tidak perlu tergesa-gesa," katanya.

Perdana Menteri berkata Umno dan parti komponen BN yang lain yakin akan mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya akan datang.

"Ya, kami amat yakin dapat mengekalkan majoriti dua pertiga walaupun orang lain sering menyatakan bahawa kami tidak mampu tetapi kami telah membuktikannya sejak dulu.

"Kami akan melakukan yang sama pada masa depan, Insyallah," katanya semasa ditanya sama ada beliau yakin BN akan mengekalkan majoriti dua pertiganya.

Ditanya sama ada parti komponen BN yang lain telah bersedia seperti Umno. Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat begitulah. Saya rasa mereka telah bersiap sedia (dan) tentunya lebih bersedia daripada parti-parti pembangkang.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak mahu memberikan bayangan termasuk kepada pembangkang mengenai bila pilihan raya akan diadakan.

"Biarkan mereka (parti-parti pembangkang) bekerja keras sehingga mereka

keletihan dan ketika itu kita akan buat keputusan, bila masa yang sesuai," katanya.

Ditanya mengenai pelbagai landasan yang digunakan parti-parti pembangkang untuk memenangi hati rakyat seperti PAS menggunakan Islam, Dr Mahathir berkata parti-parti pembangkang bekerjasama atas landasan yang berbeza dan menuju arah yang berlainan.

"Jadi saya fikir agak sukar bagi mereka untuk bekerjasama antara satu sama lain kerana mereka sendiri tidak boleh bersetuju mengenai sebarang perkara," katanya.

Mengenai apakah kejutannya untuk media, Perdana Menteri berkata: "Kejutannya ialah...tiada kejutan."

-- BERNAMA

ES RON